

PROGRAM IMARAH MASJID DALAM KALANGAN MUSLIMAT: ISU, CABARAN DAN PENYELESAIAN DALAM ERA PANDEMIK

Sahlawati Abu Bakar¹, Zanariah Dimon² & Mariam Abd Majid¹

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Sahlawati binti Abu Bakar. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. email: sahlawati@kuis.edu.my.

Abstrak

Institusi masjid berperanan sebagai pusat ibadah, pendidikan dan aktiviti kemasyarakatan bagi membangunkan umat Islam. Ahli jawatankuasa masjid akan menganjurkan program-program yang bersesuaian dengan ahli kariah bagi mengimarahkan masjid. Namun demikian pada era pandemik ini pelbagai isu dan cabaran wujud ketika pelaksanaan program. Terutamanya untuk ahli kariah terlibat dengan program-program anjuran masjid kerana pematuhan prosedur operasi standard yang ditetapkan. Tujuan kertas konsep ini adalah untuk meninjau isu dan cabaran yang dihadapi oleh kaum muslimat untuk turut serta dalam program-program imarah masjid yang dijalankan semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. Kajian ini menggunakan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penelitian mendapati isu utama yang dihadapi oleh jemaah muslimat ialah larangan menghadiri masjid semasa tempoh perintah kawalan pergerakan yang hanya dibenarkan bagi jemaah muslimin sahaja. Di samping itu mereka juga berhadapan dengan beberapa cabaran untuk menyertai program imarah yang dijalankan secara dalam talian. Kajian ini turut mengutarakan cadangan penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi.

Kata kunci: *Imarah, masjid, muslimat, pandemik, Covid-19.*

(ENLIVENING MOSQUE PROGRAMS AMONG MUSLIM WOMEN IN THE PANDEMIC ERA: ISSUES, CHALLENGES, AND SOLUTIONS)

Abstract

To grow Muslims, the mosque provides as a place of worship, education, and community activities. Members of the mosque's committee will conduct programs that are compatible with Kariah members to keep an eye on the mosque. During the implementation of the program, however, several concerns and challenges occur in this pandemic era. Members of the Kariah community are participating in mosque-sponsored programs due to adherence to established standard operating procedures. The goal of this concept paper is to look at the concerns and challenges that Muslims confront when participating in Mosque Imaginary Programs during the Movement Control Order Period. Document analysis was used to collect data for this study, which was then evaluated utilizing content analysis methodologies. The primary obstacle that Muslim Women pilgrims experienced, according to the study's findings, was the prohibition of accessing the mosque during the period of movement control order, which was only authorized for Muslim pilgrims. They also confront some difficulties in participating in an imperial program that is administered online. This research also looks at a possible remedy to the problems that have been identified.

Keywords: Enlivening, Mosque, Muslim Women, Pandemic, Covid-19

1. Pendahuluan

Masjid berfungsi sebagai sebuah institusi yang menyatukan umat Islam dalam aspek ibadah serta pelbagai aktiviti yang melibatkan masyarakat. Masjid turut memainkan peranan penting untuk menyampaikan mesej kerohanian dan kemasyarakatan kepada kehidupan muslim. Kepentingan ini dapat dilihat apabila Rasulullah S.A.W ketika mula sampai di Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh Baginda adalah membina masjid. Oleh itu pembinaan masjid dan pengimarahannya merupakan aspek yang penting dalam komuniti Islam. Allah SWT memberikan penegasan dalam al-Quran mengenai pengimarahannya masjid seperti firmanNya dalam surah al-Taubah ayat 18 yang bermaksud:

“Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut), maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

Justeru itu, program-program yang dilaksanakan di masjid bagi tujuan pengimarahannya perlulah bersesuaian dengan dasar pengimarahannya masjid iaitu menyuruh manusia membuat kebaikan dan melarang manusia daripada melakukan kemaksiatan serta memartabatkan syiar Islam (Mohd

Ridhuwan et al., 2019). Pelaksanaan usaha imarah masjid meliputi program-program pembangunan dalam bentuk fizikal dan spiritual untuk mencapai keredhaan Allah SWT (Mustari & Jasmi, 2008). Selain aktiviti ibadah dan keagamaan, masjid berfungsi sebagai tempat tumpuan masyarakat seperti perbincangan, pendidikan dan pusat ekonomi (Basit, 2009; Omar et al., 2019). Seajar dengan sabdaan Nabi SAW:

“Dan setiap kali segolongan kaum berkumpul di rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), membaca al-Quran, dan bertadarus di kalangan mereka, nescaya diberikan ketenangan dan mereka dicucuri rahmat.” (Riwayat Muslim)

Pandemik Covid-19 ini telah merubah bentuk pengimarah masjid dari segi bilangan yang terhad bagi bilangan jemaah di masjid serta program-program yang terpaksa dijalankan secara dalam talian. Prosedur kehadiran jemaah ke masjid telah ditetapkan oleh pihak majlis agama Islam setiap negeri. Bilangan jemaah yang dapat menghadiri masjid bagi solat fardu telah dihadkan kepada satu bilangan mengikut kapasiti masjid. Oleh itu kertas ini akan membincangkan isu ini yang dihadapi oleh jemaah muslimat yang sememangnya tidak dibenarkan menghadiri masjid serta cabaran yang dihadapi oleh mereka semasa menyertai program pengimarah semasa pandemik. Tidak dinafikan muslimat turut memainkan peranan yang penting dalam aktiviti pengimarah masjid. Oleh itu fungsi muslimat dalam program pengimarah program masjid semasa pandemik berperanan menarik lebih ramai lagi kaum wanita untuk terlibat dengan program-program yang telah dirancang oleh ahli jawatankuasa masjid.

2. Prosedur Operasi *Standard* (SOP) berkaitan Aktiviti Masjid dan Surau Semasa Pandemik Covid-19

Pandemik *Coronavirus disease* (Covid-19) telah memberikan impak yang sangat besar di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Penyebaran virus berbahaya ini telah menyebabkan Kerajaan Malaysia mengambil tindakan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa mulai 18 Mac 2020 sehingga kini dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19 di negara ini. PKP yang telah dilaksanakan selama hampir dua tahun itu telah memberikan kesan bukan sahaja terhadap aktiviti sosial dan ekonomi malahan melibatkan sektor keagamaan. Ini kerana, PKP telah menyebabkan larangan menyeluruh telah diwartakan terhadap semua pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Justeru, bagi menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan ditutup kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

PKP yang dilaksanakan ini adalah selaras dengan langkah pencegahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kenyataan akhbar bertarikh 11 Mac 2020 menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*) ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku; sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, dinasihatkan agar tidak menghadiri program yang melibatkan orang ramai atau tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan dan individu yang bergejala dinasihatkan agar menjarakkan diri (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu meter bila berhadapan dengan individu lain). Maka, daripada gesaan dan saranan tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang dianggotai oleh semua mufti negeri-negeri di Malaysia telah bersidang pada 15 Mac 2020 telah memutuskan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat ditangguhkan kerana melibatkan perhimpunan secara beramai-ramai dan tidak menjaga penjarakan sosial (*social distancing*) di antara ahli jemaah (Rafidah Mat Ruzki, 2020).

Sehubungan itu, SOP Sektor Sosial (Aktiviti Masjid Dan Surau) telah dikeluarkan bagi semua masjid dan surau di peringkat negeri oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Arahan tetap ini berdasarkan Peraturan 16 P.U. (A) 293/2021, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 (Akta 342) dan Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada peraturan kesihatan, peraturan pihak berkuasa tempatan dan arahan atau peraturan pihak berkuasa agama negeri. (MKN, 2020). Pelbagai arahan tetap telah dikeluarkan melalui SOP tersebut merangkumi semua masjid negeri, masjid daerah, masjid kariah dan surau solat Jumaat berkaitan garis panduan solat Jumaat, solat berjemaah dan solat jenazah (bukan covid) dalam tempoh PKP. Secara umumnya, garis panduan tersebut berkaitan waktu operasi masjid, waktu kehadiran jemaah dan kapasiti jemaah yang dibenarkan dan keutamaan adalah kepada jemaah lelaki sahaja (moh.gov.my. 2020).

Walaupun bagaimanapun, perkembangan semasa menunjukkan perubahan PKP kepada Pelan Pemulihan Negara mengikut fasa telah menyebabkan perubahan dibuat terhadap SOP di masjid dan surau bersesuaian dengan situasi dan keperluan negeri. Garis panduan yang baru juga telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa mengenai aktiviti-aktiviti yang dibenarkan iaitu solat fardu lima waktu berjemaah, solat Jumaat, majlis akad nikah dan majlis ilmu. Ketetapan mengenai kapasiti jemaah juga telah dipinda mengikut mengikut kapasiti masjid dan surau dengan penjarakan tertakluk kepada ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Contohnya di negeri Selangor, sebagai usaha lanjutan dalam mengekang penularan Covid 19 semua Pentadbir Masjid, Surau dan *Mushalla* di Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah berikut dalam menentukan kehadiran jemaah semasa tempoh PPN iaitu:

Solat Fardu Jumaat

- a. Ahli kariah yang tinggal dalam kariah Masjid atau Surau Kebenaran Solat Jumaat sahaja dibenarkan untuk hadir menunaikan Solat Fardu Jumaat dan
- b. Telah menerima dua (2) dos suntikan vaksin.

Solat Fardu Lima Waktu

- a. Keutamaan diberikan kepada semua Pentadbir Masjid, Surau dan *Mushalla*; dan
- b. Pentadbir Masjid, Surau dan Musolla dibenarkan untuk memberi ruang dari ketetapan yang dibenarkan kepadanya bagi menempat jemaah lain yang terdiri dari ahli kariah (pemastautin) dengan syarat jemaah telah menerima dua dos suntikan vaksin.

Bagi memastikan SOP dipatuhi oleh semua jemaah yang hadir bagi mengekang penularan wabak Covid-19, pihak pentadbir masjid dan surau perlu sentiasa memastikan semua jemaah yang hadir memakai pelitup mulut dan hidung (*face mask*), membawa sejadah saiz *standard*, berwuduk dari rumah dan memastikan jemaah sihat serta tidak bergejala. Jemaah yang tidak sihat dan bergejala serta mempunyai bacaan suhu lebih 37.4C dilarang hadir ke masjid. Pihak masjid juga perlu memastikan penjarakan fizikal 1.5 meter semasa di dalam masjid dan ketika dalam saf solat, memastikan jemaah tidak berasak-asak semasa masuk dan keluar dari masjid, surau dan *mushalla* serta merekod kehadiran jemaah menggunakan aplikasi MySejahtera.

3. Isu-Isu Berkaitan SOP Kehadiran ke Masjid bagi Jemaah Muslimat

Di antara program yang diadakan bagi pengimarah masjid adalah yang berbentuk ceramah agama, sambutan perayaan Islam, pengajian kitab dan kuliah-kuliah bulanan (Norani & Abdullah, 2020). Kajian mendapati masjid mempunyai kepelbagaian skop pengimarah seperti pendidikan, sosio budaya, komunikasi, ibadah, keusahawanan dan tempat pengaduan masyarakat (Mustari & Jasmi, 2008; Muttaqin & As'adi, 2019; Ufiana, 2016). Secara spesifik pula, program-program yang dianjurkan bagi jemaah muslimat adalah seperti kuliah Dhuha Muslimat, pengajian fiqh, tafsir al-Quran, pengajian sirah, pengurusan jenazah dan tahsin al-Quran. Kebiasaannya para penceramah bagi program-program ini adalah dalam kalangan ustazah-ustazah yang mempunyai kelayakan untuk memberikan pengisian.

Isu utama keterlibatan jemaah muslimat dengan aktiviti di masjid semasa pandemik ialah larangan menghadiri masjid bagi jemaah muslimat. Mereka langsung tidak dibenarkan menghadiri masjid untuk menunaikan solat secara berjemaah. Berbeza dengan jemaah muslimin, walaupun dengan bilangan yang tehad mereka tetap boleh menunaikan solat fardu secara berjemaah di masjid. Ini menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan jemaah muslimat yang sudah biasa beriktikaf dan solat berjemaah di masjid.

Keadaan ini berlarutan sehinggalah pihak berkuasa memberikan kelonggaran kepada jemaah muslimat menghadiri masjid untuk tujuan beribadah. Pada tahun ini SOP kehadiran muslimat bermula pada awal bulan Januari sehinggalah ke bulan September kerana keutamaan diberikan kepada jemaah lelaki. Sepanjang tempoh ini, jemaah muslimat mengikuti program secara dalam talian seperti ceramah, kuliah-kuliah muslimat, tahsin al-Quran dan sebagainya. Pada penghujung bulan September, jemaah muslimat telah dibenarkan menghadiri masjid untuk solat berjemaah serta mengikuti program-program pengimarah masjid dengan prosedur yang ketat.

Ringkasnya larangan menghadiri masjid bagi jemaah muslimat menimbulkan isu dari segi penyertaan jemaah muslimat terhadap program dan aktiviti pengimarah yang dilaksanakan di masjid dan surau sepanjang pandemik Covid-19.

4. Cabaran Keterlibatan Jemaah Muslimat bagi Program Imarah Masjid semasa Pandemik

Program-program imarah masjid sebelum pandemik dilaksanakan secara bersemuka di masjid. Kekangan pandemik yang berlaku hari ini tidak merencatkan pelaksanaan program-program pengimarah masjid. Institusi masjid terus memainkan peranan sebagai salah sebuah institusi pendidikan dalam masyarakat yang membangun modal insan menerusi penyaluran ilmu pengetahuan dalam kalangan anggota masyarakat (Mohd Ridhuwan et al. 2020). Namun demikian apabila pandemik Covid-19 melanda negara, semua program perlu dilaksanakan secara dalam talian. Para jemaah muslimat yang tidak dapat datang ke masjid akan menyertai program-program imarah secara dalam talian. Pembelajaran online menjadi alternatif dalam menjalankan penyaluran pendidikan di masa pandemik Covid-19 ini bagi meminimumkan hubungan secara fizikal dan dalam masa yang sama aktiviti pengajian tetap dapat dilaksana sebaiknya (Firmansyah, 2021). Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati terdapat beberapa cabaran dalam kalangan jemaah ketika menyertai program-program dalam talian ini.

Cabaran pertama ialah kemudahan peranti yang mencukupi dan bersesuaian untuk mengikuti program imarah masjid secara dalam talian. Peranti yang ada perlu mempunyai talian internet bagi membolehkan jemaah mencapai aplikasi medium dalam talian. Umum mengetahui bahawa tidak semua jemaah muslimat mempunyai telefon pintar terutamanya dalam kalangan jemaah warga emas. Oleh yang demikian tidak semua jemaah ini dapat mengikuti program masjid yang kebiasaannya dapat mereka ikuti secara bersemuka di masjid.

Cabaran yang kedua ialah kemahiran menggunakan peranti bagi mencapai platform medium dalam talian seperti *zoom* dan *google meet*. Perkara ini mungkin tidak menjadi isu kepada jemaah yang sudah biasa menggunakan platform-platform ini. Sebaliknya bagi jemaah yang tidak pernah atau kurang mahir akan menghadapi cabaran menyertai program secara dalam talian disebabkan oleh kekangan ini. Cabaran kekurangan kemahiran menggunakan peranti dan platform

dalam talian yang dilaksanakan dihadapi oleh anggota masyarakat terutamanya golongan murid dewasa (Norehan dan Mahaliza, 2021). Di samping itu, platform-platform ini juga mempunyai batasan dari segi had bilangan peserta serta masa sekiranya pihak pelaksana tidak melanggan platform ini.

Cabaran yang ketiga adalah capaian talian internet yang pantas semasa pelaksanaan program. Seringkali didapati peserta yang kerap terputus talian dan hampir tidak dapat langsung menyertai program kerana batasan talian internet yang terhad. Justeru hal ini menjadi satu cabaran bagi jemaah yang berminat menambah ilmu daripada program khusus untuk muslimat tetapi terhalang kerana faktor talian internet.

Selain itu, cabaran turut dihadapi dari pihak pengurusan masjid dalam mengendalikan program-program pengimarahannya dalam kalangan muslimat. Kelemahan pengurusan sumber manusia dan penyelarasan organisasi merupakan antara isu yang sering menjadi halangan dan cabaran pengurusan masjid yang paling utama (Abdul Munir Ismail, 2012). Zulkefli dan Nurul Dalilah (2015) berpandangan bahawa keupayaan pengimarahannya institusi masjid bergantung kepada pihak pengurusan masjid dan juga kerjasama dengan masyarakat sekeliling.

Sebagai kesimpulan, cabaran-cabaran yang dikongsikan di sini adalah berdasarkan pemerhatian secara tidak formal pengkaji. Berdasarkan pengamatan awal, kajian ini mendapati cabaran-cabaran yang dihadapi oleh jemaah muslimah ini boleh diperhalusi dengan kajian yang lebih terpandu dan sistematik.

5. Cadangan Penyelesaian

Kertas ini mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian kepada jemaah muslimat bagi cabaran yang dihadapi dan seterusnya terus aktif melibatkan diri dengan program dalam talian anjuran masjid. Cadangan ini melibatkan dua pihak iaitu pihak masjid dan pihak jemaah. Bagi jawatankuasa pelaksana masjid, kajian mencadangkan agar dilaksanakan kursus atau bengkel yang bertujuan memberi latihan kepada jemaah mengenai kaedah penggunaan peranti dan platform dalam talian. Latihan ini serba sedikit akan membantu jemaah mengenali medium yang biasa digunakan untuk program dalam talian. Di samping itu ianya juga dapat memberikan pendedahan asas mengenai cara untuk membuat akses kepada platform atas talian. Usaha ini penting kerana perkembangan teknologi perlu disertai dengan kemampuan penggunaan teknologi tersebut dengan baik dalam pembelajaran (Firmansyah, 2021).

Pihak masjid juga boleh membuat hebahan kepada semua anggota masyarakat berkaitan program yang dijalankan secara dalam talian dari masa ke masa (Muhamad Faisal Ashaari & Firdaus Mokhtar, 2018). Selain itu, pihak masjid juga perlu mempelbagaikan platform pelaksanaan

program dan tidak terhad secara segerak bahkan boleh menggunakan platform tidak segerak seperti saluran *Youtube* yang lebih mudah untuk diakses oleh jemaah. Ada juga pihak masjid yang menggunakan dua platform serentak seperti *zoom* dan kemudian dilayarkan secara langsung di saluran *Youtube*. Kaedah ini sebenarnya memberikan pilihan kepada jemaah yang tidak dapat mengikuti program secara langsung untuk mengikutinya secara rakaman. Pihak pentadbiran masjid perlu merancang satu pelan tindakan bagi menghadapi perubahan dunia pembelajaran masa kini (Norehan dan Mahaliza, 2021).

Bagi pihak jemaah pula, mereka boleh mengikuti kursus atau latihan jangka pendek cara mengendalikan peranti dan menggunakan platform dalam talian. Di samping itu mereka juga boleh menonton cara atau kaedah ini menerusi saluran *Youtube*. Akhir sekali sebagai alternatif penyelesaian, jemaah juga boleh meminta bantuan ahli keluarga lain yang mahir bagi membolehkan mengikuti program anjuran masjid.

4.0 Penutup

Kertas konsep ini membahaskan isu keterlibatan jemaah muslimat terhadap program pengimarah masjid semasa pandemik Covid-19. Isu jemaah wanita tidak dibenarkan menghadiri masjid menyebabkan keterbatasan penglibatan dalam program imarah masjid untuk muslimat. Selain itu, jemaah muslimat juga menghadapi cabaran untuk terlibat dengan program-program dalam talian anjuran pihak masjid. Kajian ini mengenalpasti keperluan menjalankan satu kajian khusus dan sistematik terhadap penglibatan wanita di masjid bagi program pengimarah semasa pandemik. Secara ringkas, kajian-kajian yang lebih spesifik mengenai keterlibatan jemaah muslimah di masjid perlu dijalankan bagi menambahkan lagi literatur dan data kajian dalam bidang ini.

RUJUKAN

Abdul Munir Ismail. 2012. *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Perak:UPSI.

Basit, A. (2009). Strategi pengembangan masjid bagi generasi muda. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 3(2), 270–286. <https://doi.org/10.24090/komunika.v3i2.130>

Firmansyah. (2021). Motivasi Belajar dan Respon Siswa terhadap Online Learning sebagai Strategi Pembelajaran di Masa Pandemi Covid-19. *Edukatif : Jurnal Ilmu Pendidikan* Volume 3 Nombor 2. 589 – 597

- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). https://covid_19.moh.gov.my (faqsop)28-SOP. Pautan pada 4 Oktober 2021
- Mohd Ridhuwan, R., Muhd Najib, A. K., Fadlan, O., & Siti Azimah, S. (2019). Prinsip Al-Imarah Dalam Kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid. *Jurnal Al-Turath*, 4(2), 28–36.
- Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Othman & Siti Azimah Sabaruddin. 2020. Pandangan Imam Dan Pentadbir Masjid Tentang Kehadiran Masyarakat Ke Masjid. *Jurnal Hadhari 12* (1) (2020) 1- 15.
- Muhamad Faisal Ashaari & Firdaus Mokhtar. (2018). Pandangan Imam Dan Pentadbir Masjid Tentang Kehadiran Masyarakat Ke Masjid. *Jurnal Hadhari 10* (2) (2018) 205-223.
- Mustari, M. I., & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
http://www.penerbit.utm.my/bookchapterdoc/PPIPS/bookchapter_ppips02.pdf
- Muttaqin, A. I., & As'adi, M. (2019). Pendampingan kegiatan keagamaan di Masjid Al Falah Dusun Krajan Desa Siliragung Kecamatan Siliragung Banyuwangi. *Jurnal ABDI KAMI (Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat)*, 1(2), 105–114.
- Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis aktiviti pengajian keagamaan di institusi masjid-masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119–129.
- Norehan Binti Mohd Nasir dan Mahaliza Binti Mansor. (2021). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 7, 416 - 421.
- Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2019). Assessing strategic orientation and mosques performance. *Research in World Economy*, 10(5), 30–35.
<https://doi.org/10.5430/rwe.v10n5p30>
- Ufiana. (2016). Efektivitas dakwah muslimat NU di Desa Nyamuk Kecamatan Karimunjawa Kabupaten Jepara. *Jurnal An-Nida*, 8(1), 83–92.
- Zulkefli Bin Aini, Nurul Dalilah binti Yahaya. (2015). Pengimarahkan Masjid Berdasarkan Proses-Proses Pengurusan Islam. Prosiding Seminar Antarabangsa Pengurusan & Kepimpinan Islam: Isu Dan Cabaran. file:///C:/Users/User/Downloads/document%20(6).pdf. Akses pada 1 Oktober 2021.